

Buang stigma negatif terhadap pesakit demensia

BUANG stigma negatif terhadap penyakit demensia. Itulah salah satu pendekatan yang boleh dilakukan oleh masyarakat pada hari ini dalam memperkasakan golongan tersebut.

Menurut Pakar Terapi Muzik dari Jabatan Muzik, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Dr. Indra Selvarajah, penyakit tersebut bukanlah atas kesalahan pesakit, sebaliknya ia berlaku disebabkan genetik dan di luar kawalan.

"Mengikut Kementerian Kesihatan Malaysia, demensia adalah sejenis penyakit otak yang progresif.

"Ia boleh membawa kepada penurunan dalam menjalankan aktiviti harian dan pesakit memerlukan

penjagaan masa panjang.

"Ahli keluarga dinasihatkan supaya membawa ibu bapa atau sesiapa saja yang terlibat untuk mendapatkan pemeriksaan awal di hospital.

"Terutamanya, apabila pesakit sudah mula menunjukkan sekurang-kurangnya dua atau tiga tanda-tanda gejala.

"Antara gejala penyakit ini adalah hilang daya ingatan, masalah dengan aktiviti yang biasa dilakukan, sukar mencari perkataan mudah dan perubahan emosi," katanya.

Jelasnya lagi, masih ramai masyarakat yang kurang sedar tentang penyakit demensia.

Katanya, keadaan tersebut menyebabkan mereka tidak membawa

ahli keluarga yang mengidap penyakit berkenaan bagi mendapat rawatan.

Ini kerana, diagnosis dan rawatan peringkat awal penyakit demensia penting bagi mengurangkan tahap kesengsaraan pesakit.

Ia juga boleh mengurangkan bebanan ahli keluarga serta menjadikan mereka lebih bersedia dengan keperluan penjagaan pesakit.

"Tahap kehidupan pesakit bergantung kepada kualiti hidup dan sokongan yang diberikan oleh ahli keluarga serta komuniti setempat.

"Menerusi sokongan, kasih sayang serta kesabaran, golongan ini dapat menjalani kehidupan yang bermakna sehingga ke akhir hayat," ujarnya.



SELVARAJAH